# MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

## IKLAN JAWATAN KOSONG

**PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN-JAWATAN BERIKUT, KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.**

| | | |
|---|---|---|
| **1.** | **Nama Jawatan** | **: PEGAWAI PENILAIAN** |
| | Klasifikasi | : Kewangan |
| | Kumpulan Perkhidmatan | : Pengurusan dan Profesional |
| | Bilangan Kekosongan | : **1** |
| | Taraf Jawatan | : **Kontrak/Tetap** |
| | **Gred W9** | **Jadual Gaji Minimum Maksimum** |
| | | : RM2,250.00 – RM11,110.00 |
| | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan | : RM225.00 |

**SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred W9 : RM2,690.00)

   **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:**

   Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**CARA MEMOHON**

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web **https://digital.perak.my mulai 25 NOVEMBER 2026. Pemohon diingatkan untuk mengisi alamat email dan nombor telefon yang aktif dalam borang permohonan.**

2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA.**

3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Ujian Bertulis/Temuduga.

4. Calon-calon yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil persekolahan/akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

5. Sebarang urusan melibatkan teknikal Sistem Permohonan Jawatan Kosong melalui portal https://digital.perak.my hendaklah menghubungi Pasukan Help Desk Perak Digital melalui emel perakdigital.kperak@gmail.com (contoh : Lupa Kata Laluan)

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN :**

**Sebelum atau pada 1 DISEMBER 2026.**

**YANG DIPERTUA**
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**